

Headline **Menangkis konsep negara kebajikan Pas**  
Date **27. Feb 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **10**  
Section **Nasional** Article Size **288** cm2  
Circulation **217991** Frequency **Daily**  
Readership **762968** Color **Full Color**



# Menangkis konsep negara kebajikan Pas

**S** EORANG warga tua yang pernah menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memulakan perniagaan kecil di Kedah beberapa tahun lalu, kini mampu menggajikan orang, malah pendapatannya pernah mencecah sehingga RM80,000 sebulan berikutan 'serbuk kopi' keluarannya mendapat sambutan luar biasa.

Isu kemiskinan yang sering dikaitkan dengan 'kegagalan' kerajaan Barisan Nasional (BN) memberi tumpuan kepada golongan masyarakat yang masih dibelenggu kesusahan hidup, sebenarnya tidak boleh lagi dijadikan modal pembangkang ketika pelbagai insentif bernilai berbilion ringgit diperkenalkan sejak sekian lama.

Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), Prof Madya Dr Mohamed Fadzil Che Din, menjelaskan hipotesis Malaysia sebagai sebuah negara kebajikan perlu dilihat dalam konteks yang betul bagi mengelak tanggapan bahawa bantuan adalah berbentuk 'kalau tidak ada duit, kita akan bagi duit'.

"Rakyat mesti diberi penjelasan bahawa kita memang sebuah negara kebajikan tetapi bukan seperti dimanifestasikan kumpulan tertentu, iaitu kebajikan berbentuk tidak produktif - kalau tidak ada duit, kita akan beri duit seperti yang menjadi amalan beberapa negara maju.

"Malaysia adalah negara kebajikan yang produktif. Kita menghulur bantuan kepada golongan miskin untuk memastikan mereka boleh bergerak. Kerana itu, kerajaan memperbanyakkan program keusahawanan bertujuan membantu golongan ini memulakan perniagaan secara kecil-kecilan," jelasnya.

Isu negara kebajikan dicetuskan oleh Pas dalam kempen pilihan raya yang semakin rancak selepas parti itu menuduh pentadbiran kerajaan BN mengabaikan tanggungjawabnya sehingga masih ramai rakyat mengalami kemiskinan hidup.

Justeru, bagi membela nasib rakyat yang didakwa terabai itu, parti pembangkang menabur janji sekiranya diberi mandat untuk membentuk kerajaan ia antara lain akan menurunkan harga petrol dan diesel, merapatkan jurang agihan kekayaan antara golongan kaya dan miskin.

Malah, pembangkang juga mendakwa berupaya menghapuskan semua pinjaman tertunggak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mengembalikan pendidikan percuma pada peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan menghapuskan tol.

Parti yang membiarkan ramai rakyat Kelantan terus hidup di bawah belenggu kemiskinan sejak mentadbir negeri itu 18 tahun lalu, mendakwa Malaysia tidak akan bankrap dengan pelaksanaan perkara yang dijanjikan kerana 'kekayaan negara' akan dibelanjakan secara cermat, bijak dan berhemah untuk kepentingan serta kesejahteraan

hidup rakyat.

Ramai pemerhati politik termasuk yang menyokong pembangkang berasa kagum dengan 'keberanian' Pas untuk menabur janji seumpamanya, seolah-olah parti itu terlupa sejarah ketika ia menguasai Terengganu satu penggal selepas pilihan raya 1999.

Janji senang dilafaz, tetapi dalam dunia globalisasi yang meruntuhkan sempadan dunia, semua janji untuk menghapuskan tol, cukai, pembayaran, penghapusan hutang, pemberian perkhidmatan secara percuma, apa lagi untuk menurunkan harga minyak, hanya membuatkan masyarakat dunia akan melihat bangsa Melayu semakin sinis kerana masih ada golongan sanggup berjanji apa saja semata-mata untuk mendapat kuasa memerintah.

Menjawab soalan mengapa isu kemiskinan terus berlaku walaupun Malaysia semakin makmur, Dr Mohamed Fadzil berkata, antara sebab utama ialah kitaran yang wujud di kalangan masyarakat sendiri dan lebih bersifat tertumpu kepada kelompok tertentu.

"Ia berbentuk kepada kelompok tertentu. Kemiskinan terus berlaku dalam kelompok terbabit, tanpa mengira kaum kerana wujud budaya tidak mahu keluar daripada kepompong. Dalam suasana biasa, kitaran kemiskinan akan berubah jika wujud usaha serius dan tidak sekadar menyerah rezeki kepada takdir.

"Jika melihat kepada tren, kemiskinan di Malaysia selalunya berlaku dalam tom-

pok atau wilayah yang sama. Contoh terbaik ialah negeri di Pantai Timur, kerana ia berkaitan dengan faktor tempat, komuniti dan budaya.

"Juga perlu ditegaskan, kekayaan bagi sesetengah masyarakat adalah sesuatu yang relatif. Ramai antara kelompok ini mengambil sikap tidak kisah terhadap kekayaan, pada hal bagi majoriti rakyat lain kekayaan perkara penting," jelasnya mengenai definisi kekayaan yang berbeza antara seorang manusia dengan manusia yang lain.

Bagaimanapun katanya, untuk kepenyilangan rekod kecemerlangan negara, kerajaan tidak mampu untuk membiarkan perbezaan persepsi itu terus wujud kerana prestasi sesebuah negara diukur dengan pelbagai indeks dan tahap pencapaian.

"Itulah sebabnya kerajaan BN memperkenalkan pelbagai program bantuan yang lebih berbentuk insentif untuk memastikan mereka menerima bantuan menghasilkan sumber pendapatan yang produktif.

"Kadang-kadang kesian juga melihat kerajaan BN ini. Macam-macam program berteraskan keusahawanan dan membina kehidupan dibuat untuk membasmi kemiskinan seperti program pertanian, aktiviti keusahawanan di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Tetapi kerajaan terus didakwa masih belum cukup baik dalam membantu rakyat," kata Dr Fadzil yang pernah menjadi kaunselor di Universiti Putra Malaysia (UPM).